

## **Pengaruh Atribusi Kemiskinan, Keadilan Dunia Dan Gaya Pembuatan Keputusan Terhadap Kesejahteraan Psikologi Dalam Kalangan Kumpulan B40 Di Malaysia**

*(Poverty Attributions, Just World Belief, Decision Making Styles And Subjective Wellbeing Of Low-Income Group (B40) In Malaysia)*

Rozmi Ismail\*<sup>1</sup>,

Nurfatin Akila Jeli<sup>1</sup>

<sup>1</sup>*School of Psychology and Human Wellbeing (PSiTra) Faculty of Social Science and Humanities Universiti Kebangsaan Malaysia UKM*

\*Corresponding e-mail: [rozmi@ukm.edu.my]

This study examines how attribution towards poverty, just world belief and decision-making styles contribute to the psychological well-being of the low-income group or known as B40 in Malaysia. The study predicted that attribution towards poverty, just-world belief and decision making style are related to how they define the causes of poverty and thus will affect their subjective wellbeing. There were 384 respondents of low income group from rural and sub-urban randomly selected and participated in this survey. The findings showed that B40 group in Malaysia perceived poverty as attributed to micro-environmental (eq. living in poverty and unable to feed family members) and fatalistic factors (eq. had illness). The study also found that perception towards belief in Just-world was the best predictor for subjective wellbeing. As for the decision-making style, majority used rational decision making style and dependent style. The implication of this study suggested that perception towards the just-world phenomenon and poverty attribution contribute in shaping the negative mind-set of this group towards government agenda and thus impacting their subjective well-being.

*Keywords:* Poverty attribution, belief in just world, decision making style, subjective wellbeing, low income group (B40)

Di Malaysia kemiskinan boleh dilihat daripada jurang pendapatan di antara masyarakat bumiputera dan bukan bumiputera. Jurang pendapatan ini seterusnya membawa kepada pembentukan kumpulan masyarakat mengikut pendapatan isi rumah seperti golongan *TOP-20*, *MIDDLE-40* dan *BOTTOM-40*. Golongan berpendapatan rendah (B40) adalah kumpulan isirumah berpendapatan kurang daripada RM 4,360 sebulan, berbanding golongan M40=6,502 dan T20=RM16,000 ke atas (Jabatan Penerangan Negara, 2013). Merujuk kepada Unit Perancangan Ekonomi Negara, peratusan rakyat bumiputera yang berada dalam kemiskinan adalah sebanyak 6.0

peratus, manakala bukan bumiputera sebanyak 0.1 peratus (Unit Perancang Ekonomi (EPU), 2016). Isu jurang pendapatan *Income Inequality* telah meletakkan Malaysia di kedudukan antara yang tertinggi di dunia. Kajian lepas menunjukkan jurang ekonomi antara golongan tertentu seringkali dikaitkan dengan sistem pengurusan ekonomi yang boleh mengancam kestabilan sosio-politik. Kajian oleh Jost, Banaji, & Nosek, (2004) mendapati kebanyakan orang miskin atau golongan yang tidak bernasib baik mengaitkan nasib mereka dengan system dan ketidakadilan pemerintah dalam menguruskan sumber. Manakala kajian lain pula mengaitkan kemiskinan bukan semata mata disebabkan oleh sistem malah ia

berkaitan persoalan individu (Feagin 1972; Kluegel & Smith 1981; Robinson, 2009). Dapatan ini selari dengan sebahagian besar kajian kemiskinan yang melibatkan bidang psikologi iaitu berkait dengan atribusi atau persepsi manusia terhadap kemiskinan (Furnham, 2009). Atribusi secara umumnya merujuk kepada proses membuat kesimpulan terhadap penyebab kepada sesuatu peristiwa dengan menggunakan maklumat tertentu (Rozmi Ismail, 2011).

Dalam konteks golongan B40 di Malaysia, mereka adalah golongan yang mudah terdedah kepada kemiskinan dan masyarakat akan melabel punca kejatuhan mereka dalam kemiskinan adalah disebabkan oleh sikap pemalas dan tiada wawasan untuk mengubah kehidupan mereka. Berdasarkan kajian lepas khususnya di Malaysia, tidak ada kajian berkaitan corak atribusi kemiskinan golongan B40 di Malaysia serta kaitannya dengan kesejahteraan subjektif dan gaya pembuatan keputusan yang diamalkan oleh golongan ini. Kajian lalu hanya memfokus kepada golongan terpinggir seperti masyarakat orang asli. Kajian Azlina dan Ma'rof (2013) misalnya mendapati orang Asli lebih cenderung menggunakan atribusi ekonomi tiada punca pendapatan tetap (yang mana merujuk kepada salah satu atribusi struktural). Manakala kajian Murnizam, Dahlan, Malek, Ferlis, Norlizah & Webley, (2012) yang mengkaji pelajar Malaysia yang berada di United Kingdom juga mendapati belia lebih cenderung menggunakan atribusi struktural dalam menghuraikan kemiskinan.

Kajian-kajian diluar negara berkaitan penyebab kemiskinan banyak dipengaruhi oleh teori atribusi yang menekankan kepada faktor dalaman dan luaran (Zuckerman, (1979). Faktor dalaman merupakan aspek berkaitan sumber dalaman individu seperti personaliti, sikap dan usaha, manakala faktor luaran pula ialah pengaruh orang lain, tiada bantuan, nasib dan ketentuan Tuhan. Kebanyakan kajian atribusi

penyebab kemiskinan menemui tiga faktor utama iaitu individualistik, struktural dan fatalistik. Individualistik menekankan kepada aspek individu sebagai penyebab kemiskinan manakala strukturalistik menekankan kepada faktor luaran seperti pengangguran dan punca pendapatan (Wilson 1987). Fatalistik pula menekankan aspek takdir di luar kawalan manusia seperti nasib yang malang, penyakit kronik dan kemalangan (Feagin 1972). Persepsi terhadap atribusi penyebab kemiskinan juga dipengaruhi oleh latar belakang ekonomi, politik, sosial dan budaya (seperti bilangan anak, penyakit dan kemahiran dan status warganegara). (Abouchedid, & Nasser, (2001); Naseer, Doumit & Carifo, 2011; Ljubotina & Ljubotina 2007). Ada juga kajian mendapati faktor individualistik iaitu sifat individu itu sendiri yang menjadi punca kepada situasi yang menimpa mereka (Cozzarelli & Tagler 2002; Cozzarelli, Wilkinson, & Tagler, 2001); Agrawal, Murthy, Philip, Mehrotra, Thennarasu, John & Isaac, 2010).

Tidak banyak kajian yang mengaitkan atribusi kemiskinan dengan kepuasan hidup. Bagaimanapun ada beberapa kajian yang menunjukkan keadaan dan status sosioekonomi individu memainkan peranan dan menentukan tahap kepuasan hidup. Oleh itu kajian ini akan melihat sejauhmana pengaruh atribusi kemiskinan terhadap kepuasan hidup golongan B40 berdasarkan kepada justifikasi bahawa salah satu elemen penting atribusi kemiskinan ialah atribusi dalaman yang dikaitkan dengan faktor fatalistik dan strukturalistik. Banyak kajian menunjukkan semakin tinggi status sosio-ekonomi semakin baik kesejahteraan hidup mereka (Diener, 2009); Dzuka & Dalbert, 2006). Golongan yang lebih berkemampuan mendapatkan keperluan dan perkhidmatan yang lebih baik mampu meningkatkan taraf hidup mereka dari segi kesihatan, pendidikan, pemakanan yang baik dan lain-lain, sekalipun dapat meningkat kesejahteraan hidup mereka (Easterlin, (2003); Daganzo & Bernardo,

2018). Namun begitu, status sosioekonomi yang tinggi tidak menentukan kesejahteraan subjektif secara konsisten. Ada kajian menunjukkan walaupun kadar pendapatan meningkat secara drastik di sesebuah negara, kesejahteraan subjektif adalah static (Nettle, 2005). Easterlin (2003) dalam kajiannya mendapati bahawa tiada peningkatan terhadap kepuasan hidup individu adalah disebabkan oleh peningkatan aspirasi material individu yang selari dengan peningkatan pendapatan. Oleh itu, tahap kesejahteraan subjektif individu tidak hanya dipengaruhi oleh status sosioekonomi individu semata-mata tetapi terdapat faktor lain yang dilihat turut menjadipenyumbang kepada tahap kepuasan hidup individu. Kajian Cozarelli, Wilkinson dan Tagler (2001) menerangkan bahawa atribusi penyebab kemiskinan adalah berbeza mengikut individu berdasarkan kepada kepelbagaian latarbelakang dan faktor sosiopolitik dan ini mempengaruhi kesejahteraan psikologi mereka.

Selain itu persepsi terhadap keadilan dunia juga berkaitan dengan kesejahteraan psikologi. Mislanya kajian Lipkus (1993) dan Stroebe et al (2015) menunjukkan terdapat kecenderungan sesetengah individu untuk mempercayai bahawa dunia yang di diami ini adalah satu tempat yang kurang adil dan menyalahkan orang lain ke atas nasib malang yang menimpa mereka. Kecenderungan ini diterangkan secara terperinci oleh Lerner dan Miller (1978) yang menjelaskan konsep asas teori keadilan dunia sebagai kecenderungan individu menganggap perkara baik berlaku kepada orang yang baik dan perkara yang tidak baik berlaku kepada orang yang jahat, ringkasnya orang baik akan dibalas baik dan orang jahat dibalas jahat (Hellman et al. 2008). Lipkus et al. (1996) juga menyatakan bahawa kepercayaan terhadap keadilan dunia ini adalah satu ilusi positif kerana ia mendorong individu untuk melihat dunia dengan penuh makna tersusun dan boleh diramal. Lipkus (1993)

telah membuktikan wujud hubungan diantara pegangan *just world* dengan tingkah laku membuat atribusi keatas kekayaan dan kemiskinan. Kajian ini mendapati bahawa responden yang mempunyai tahap pegangan *just world* yang tinggi mempunyai sikap yang negatif terhadap golongan miskin manakala responden yang mempunyai pegangan *just world* yang rendah atau percaya bahawa dunia ini tidak adil mempunyai sikap yang positif terhadap golongan miskin. Kajian Hafer dan Correy (1999) berkenaan keadilan dunia dengan respon emosi ke atas peristiwa atau hasil negatif mendapati individu yang tinggi skor keadilan dunia mengatribusikan peristiwa negatif lebih kepada faktor internal (sikap). Fatima dan Suhail (2010) menjalan kajian bagi melihat perhubungan diantara kepercayaan keadilan dunia dan kesejahteraan subjektif dalam kalangan ibu yang mempunyai anak *down syndrome* dan normal mendapati bahawa keadilan dunia personal merupakan peramal kepada kepuasan hidup golongan ibu.

Selain itu kajian ini juga memfokus kepada pembuatan keputusan, ini kerana ia merupakan satu tindakan yang akan memberi kesan kepada diri dan orang lain (Aronson, Elliot, Wilson, Timothy, Akert, Robin (2010). Gaya pembuatan keputusan adalah corak yang biasa digunakan individu dalam pengumpul dan memproses maklumat yang akan memberi kesan dalam pelbagai aspek kehidupan. Gaya pembuatan keputusan menurut Scott dan Bruce (1985) dipecahkan kepada lima gaya iaitu rasional, intuitif, pengelakkan, kebergantungan dan spontan. Berbeza dengan rasional, gaya pembuatan keputusan intuitif merujuk kepada gaya yang bersifat megikut gerak hati dan naluri individu yang dirasakan benar mengikut keadaan situasi. Gaya pengelakkan pula dicirikan dengan tingkah laku yang menggelak atau menanggung daripada membuat keputusan (Bruce (1995). Kajian lalu mendapati golongan berpendapatan rendah sering membuat

keputusan yang lemah dan tidak cekap (Mani, Mullainathan, Shafir & Zhao, 2013), misalnya tidak menabung untuk kecemasan (Mani et al., 2013; Carvalho, Leandro, Stephan, & Stephanie, 2016). Mungkin kerana hidup dalam keadaan serba kekurangan dari sudut kewangan dan pendidikan memberi kesan ke atas proses pemikiran individu (Omoloba, 2016) sehingga mereka ini dilihat mengalami kesukaran untuk membuat keputusan

dengan baik khususnya memenuhi keperluan atau pun kehendak.

Berdasarkan kepada rumusan kajian lepas di atas, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti samada atribusi kemiskinan, persepsi terhadap keadilan dunia dan gaya pembuatan keputusan boleh mempengaruhi kesejahteraan psikologi dalam kalangan B40 di Malaysia.

**Method**

Metod kajian ini adalah survei menggunakan soalselidik dan temubual bersemuka. Sampel adalah kumpulan B40 di dua lokasi iaitu masyarakat miskin bandar dan luar bandar iaitu di Kuala Lumpur dan Chemomoi Bentong, Pahang Malaysia. Pemilihan kawasan adalah berdasarkan sifat tertentu mengikut definisi seperti lokasi yang berbeza dan masyarakat yang terpisah dengan anggapan wujudnya perbezaan perhatian pemerintah khususnya dalam aspek peluang pendidikan, pekerjaan dan penyediaan infrastruktur dapat membentuk sikap dan perasaan yang berbeza. Senarai nama isirumah disediakan oleh pihak berkuasa tempatan dan pemilihan menggunakan persampelan rawak mudah. Seramai 384 responden (ketua isi rumah) telah terpilih dan sukarela terlibat dalam kajian ini. Saiz sampel ditentukan menggunakan formula Raosoft berdasarkan pada margin ralat standard sebanyak 5%, tahap keyakinan 95%, dan jangkaan sambutan 50%. Instrumen kajian adalah terdiri daripada 21 item atribusi penyebab kemiskinan (Feagin (1972) yang merangkumi 4 dimensi iaitu struktural

sokongan (5 item), struktural sosioekonomi (5 item), individualistik (5 item) dan fatalistik (6 item). Soal selidik ini menggunakan skala likert 5 poin. Bahagian kedua adalah soalan 5 item mengenai kesejahteraan subjektif yang secara spesifiknya mengukur aspek kepuasan hidup (Diener, (2009) menggunakan skala likert 7 poin. Bahagian ketiga pula adalah instrumen gaya pembuatan keputusan (*Decision Making Styles (DMS)*) ( Scott dan Bruce (1995) yang mempunyai 20 item menggunakan skala likert 5 poin. Instrumen ini mempunyai 4 subskala iaitu rasional, kebergantungan, intuitif dan pengelakan. Bahagian keempat ialah skala kepercayaan keadilan dunia atau *Just World Scale (JWS)* (Lipkus et.al., 1996). Skala ini mempunyai dua dimensi yang dipisahkan iaitu keadilan dunia personal yang mempunyai 5 item dan keadilan dunia umum yang mempunyai 4 item. Instrumen ini menggunakan kala likert 6 poin.

Keputusan ujian reliabiliti yang dijalankan menunjukkan kesemua instrumen kajian ini mempunyai kebolepercayaan yang baik iaitu antara 0.7 hingga 0.88 (lihat Jadual 1).

*Jadual 1*

Ujian Kebolepercayaan dan normality instrument

Skala	N of Items	Cronbach Alpha ( $\alpha$ )	Skewness	Kurtosis
Struktur	5	.712	.182	-.078
Persekitaran Mikro	5	.784	-.406	.417

Individualistik	5	.850	-.695	.622
Fatalistik	6	.852	-.920	.478
Keadilan Terhadap Dunia Personal	5	.886	-.260	-.146
Keadilan Terhadap Dunia General	4	.759	-.504	.181
Kesejahteraan Subjektif	5	.873	-.176	-.572
Rasional	4	.852	-.586	1.106
Pengelakan	4	.842	.040	-.841
Intuitif	4	.773	-.194	-.379
Kebergantungan	4	.710	-.599	1.356
Gaya Spontan	4	.839	.342	-.520

### Keputusan Kajian

Berdasarkan keputusan deskriptif dalam Jadual 2 majoriti responden adalah wanita (64%) berumur (18 hingga 35 tahun). Sebilangan besar telah berkahwin (70%) dan berpendidikan sehingga SPM sahaja. Bilangan isi rumah responden menunjukkan sejumlah besar mempunyai isi rumah diantara 5-6 orang dan

kebanyakan responden mempunyai pekerjaan tetap dan bekerja sendiri. Dari segi jumlah pendapatan isi rumah menunjukkan, sebahagian besar (62%) responden mempunyai pendapatan antara RM3601 hingga ke RM9000 sebulan dan seramai 141 (37%) berpendapatan isi rumah kurang dari 3600 sebulan.

*Jadual 2*  
Analisis Deskriptif Sosial Demografi Responden

Maklumat Demografi		N dan (%)
Jantina	Lelaki	139 (36%)
	Perempuan	245 (64%)
Umur	18 hingga 35 Tahun	191 (49%)
	36 hingga 55 Tahun	164 (43%)
	55 Tahun Ke Atas	29 (8%)
Bangsa	Bumiputera	341 (88%)
	Bukan Bumiputera	43 (12%)
Status Perkahwinan	Kahwin	260 (67%)
	Belum Berkahwin	104 (27%)
	Janda/Duda	20 (6%)
Tahap Pendidikan	UPSR	5 (1.3%)
	PMR	13 (4%)
	SPM	182 (47%)
	STPM/STAM/Diploma	119 (30%)
	Ijazah	58 (15%)
	Lain -lain/ Sijil Kemahiran	7 (2.7%)

Bilangan Isi Rumah	1 hingga 2 orang	31(8.5%)
	3 hingga 4 orang	120 (31%)
	5 hingga 6 orang	158 (41%)
	7 orang ke atas	75 (19.5%)
(8)Status Pekerjaan	Bekerja	267 (70%)
	Tidak Bekerja	117(30%)
Jumlah Pendapatan Isi Rumah (Diri+Pasangan+Lain-lain ahli isi rumah)	RM2,100 hingga RM3,600	141 (37%)
	RM3, 601 hingga RM9000	239 (62%)
	RM9001 ke atas	4 (1%)

Analisis ke atas setiap konstruk atribusi penyebab kemiskinan menunjukkan dimensi struktural seperti ‘kurangnya peluang pekerjaan’ menunjukkan min tertinggi. Bagi dimensi persekitaran mikro pula adalah item ‘gaji yang rendah’ manakala bagi dimensi individualistik item ‘kurangnya kemahiran dalam mendapatkan pekerjaan’. Seterusnya bagi dimensi fatalistik item yang mencatatkan min tertinggi adalah ‘bilangan tanggungan yang

terlalu ramai’ (lihat Jadual 3). Bagaimanapun analisis keseluruhan mengenai gambaran atribusi kemiskinan golongan B40 adalah seperti dalam Jadual 4 iaitu sampel B40 kajian ini lebih tertumpu kepada faktor persekitaran mikro yang mencatatkan nilai min tertinggi (3.72) kemudiannya diikuti dengan faktor atribusi bersifat struktur yang mencatatkan nilai min terendah iaitu (3.24).

*Jadual.3*

Analisis Deskriptif Atribusi Penyebab Kemiskinan

Dimensi	Item	MIN	S.P
ST	Tiada bantuan atau sokongan dalam bidang yang ingin diceburi.	3.04	0.056
	Pihak pemerintah kurang menyediakan kemudahan awam.	2.96	0.050
	Kurangnya peluang pekerjaan yang memberi gaji yang setimpal.	3.68	0.046
	Sistem pendidikan kurang menekankan kehendak pasaran pekerjaan.	3.49	0.049
	Pihak pemerintah kurang menyediakan bantuan perumahan.	3.05	0.057
PM	Gaji yang rendah.	3.88	0.046
	Tiada modal untuk menjana pendapatan tambahan.	3.86	0.045
	Ketidakupayaan kewangan untuk perbelanjaan peribadi	3.84	0.043
	Kesukaran menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.	3.55	0.047
	Kedaaan keluarga yang sedia miskin.	3.48	0.048
IND	Tidak tahu menguruskan wang dengan baik.	3.45	0.050
	Kurangnya kemahiran dalam mendapatkan pekerjaan.	3.58	0.045
	Tiada wawasan untuk memajukan diri.	3.44	0.056
	Tidak tahu mengambil peluang untuk menjadi lebih berjaya.	3.42	0.053

	Tidak tahu memanfaatkan masa dengan aktiviti yang berfaedah	3.50	0.050
FAT	Nasib yang kurang baik.	3.41	0.051
	Kuasa tuhan yang tidak dapat dielakkan.	3.39	0.059
	Ketentuan takdir	3.33	0.061
	Akibat kemalangan, bencana alam atau musibah.	3.52	0.053
	Akibat penyakit dan kurang upaya.	3.55	0.054
	Bilangan tanggungan yang terlalu ramai.	3.69	0.053

*Petunjuk: ST (Struktur), PM (Persekitaran Mikro), IND (Individualistik), FAT (Fatalistik)*

**Jadual 4**  
Kedudukan Min Subskala Atribusi Penyebab Kemiskinan

Subskala	Min
Persekitaran Mikro	3.72
Fatalistik	3.48
Individualistik	3.47
Struktur	3.24

Manakala keputusan kesejahteraan subjektif (Jadual 5) menunjukkan umumnya responden kajian ini mempunyai tahap kesejahteraan yang sederhana dan rendah iaitu di bawah skor 4 dan ke bawah. Dari aspek persepsi terhadap keadilan dunia personal lebih rendah dariada umum iaitu

kebanyakan responden melihat dunia sebagai tidak adil kepada mereka (lihat Jadual 6). Seterusnya dari aspek pembuatan keputusan majoriti responden B40 kajian ini lebih cenderung menggunakan gaya rasional, kebergantngan dan intuitif (lihat Jadual 6).

**Jadual 6**  
Kedudukan Min Subskala Gaya Pembuatan Keputusan

Subskala	Min
Rasional	4.27
Kebergantungan	3.97
Intuitif	3.49
Pengelakkan	2.88

**Jadual 5**  
Kesejahteraan Subjektif (Kepuasan Hidup)

<b>D42</b>	Umumnya, kehidupan saya hampir sempurna.	4.05	.079
<b>D43</b>	Keadaan kehidupan saya adalah sangat baik.	4.09	.082
<b>D44</b>	Saya berpuas hati dengan kehidupan sekarang.	4.05	.083
<b>D45</b>	Setakat ini, saya telah mencapai apa yang diinginkan dalam hidup.	3.59	.077

<b>D46</b>	Sekiranya diberi peluang untuk hidup lebih lama, saya tidak akan mengubah apa-apa.	2.69	.074
------------	--	------	------

*Jadual 6*

Persepsi Keadilan Terhadap Diri, Masyarakat dan Dunia

<b>PSL</b>	Saya percaya bahawa, saya layak mendapat apa yang terjadi pada saya.	3.97	.055
	Saya biasanya diperlakukan secara adil.	3.90	.054
	Saya biasanya memperoleh apa yang sepatutnya saya dapat.	3.73	.053
	Secara keseluruhan, apa yang berlaku dalam hidup saya adil.	3.94	.056
	Setiap keputusan penting yang dibuat terhadap saya biasanya adil.	3.87	.050
<b>UM</b>	Pada dasarnya dunia ini adalah tempat yang adil.	3.95	.059
	Saya percaya orang memperoleh apa yang mereka layak dapat.	4.28	.051
	Saya yakin dalam jangka panjang orang akan mendapatkan balasan atas ketidakadilan.	4.70	.045
	Saya fikir orang cuba untuk bersikap adil ketika membuat keputusan penting.	4.46	.047

*Petunjuk: PSL (Personal), UM (umum)*

Keputusan kajian juga menunjukkan golongan B40 yang mempunyai kesejahteraan ekonomi yang lebih baik (M=20.56, SP=5.38) mempunyai tahap kesejahteraan subjektif yang lebih tinggi berbanding dengan golongan yang mempunyai kedudukan ekonomi rendah (M=17.02, SP=6.53);  $t(373)=5.800, p<.05$ . Bagi atribusi penyebab kemiskinan strukturalistik, analisis ujian-t menunjukkan golongan status kesejahteraan ekonomi rendah (M=16.65, SP=3.35) lebih mengatribusikan penyebab kemiskinan kepada faktor struktur berbanding dengan golongan B40 yang mempunyai tahap kesejahteraan ekonomi tinggi (M=15.63, SP=3.54);  $t(382)=2.869, p<.05$ . Seterusnya, bagi dimensi atribusi persekitara mikro, golongan tahap kesejahteraan ekonomi rendah (M=19.07, SP=3.06) juga turut mengatribusikan kemiskinan kepada persekitaran mikro berbanding golongan

kesejahteraan ekonomi tinggi (M=17.97, SP=3.54);  $t(308)=3.160, p<.05$ . Akhir sekali, golongan B40 tahap kesejahteraan ekonomi rendah (M=21.43, SP=4.59) lebih mengatribusikan kemiskinan berdasarkan faktor fatalistik berbanding dengan golongan yang mempunyai tahap kesejahteraan ekonomi tinggi (M=20.12, SP= 5.30);  $t(309)=2.513, p<.05$ .

Seterusnya analisis Korelasi Pearson (rujuk Jadual 7) dilakukan untuk menguji hubungan antara pembolehubah kajian ini. Antara keputusan menarik kajian ini ialah kesejahteraan subjektif berkorelasi positif signifikan dengan persepsi terhadap keadilan dunia ( $r=.431$ ), manakala korelasi negatif yang signifikan dengan atribusi persekitaran mikro ( $r=-.117$ ) dan fatalistik ( $r=-.217$ ). Seterusnya kesejahteraan subjektif berkorelasi negatif dengan gaya pembuatan keputusan intuitif ( $r=-.122$ ).



*Jadual 7*  
Keputusan analisis korelasi bagi setiap subskala

		1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	
1	Kesejahteraan Subjektif	Pearson Correlation Sig. (2-tailed)	1											
2	Keadilan Personal	Pearson Correlation Sig. (2-tailed)	.431**	1										
3	Keadilan General	Pearson Correlation Sig. (2-tailed)	.044	.505**	1									
4	Struktur	Pearson Correlation Sig. (2-tailed)	-.092	.013	.070	1								
5	Persekitaran Mikro	Pearson Correlation Sig. (2-tailed)	-.117*	-.068	-.070	.554**	1							
6	Individualistik	Pearson Correlation Sig. (2-tailed)	.084	-.033	-.043	-.042	.021	1						
7	Fatalistik	Pearson Correlation Sig. (2-tailed)	-.217**	-.037	.011	.057	.227**	.315**	1					
8	Rasional	Pearson Correlation Sig. (2-tailed)	-.041	.107*	.209**	-.016	.099	-.076	.066	1				
9	Pengelakkan	Pearson Correlation Sig. (2-tailed)	-.078	-.141**	-.099	.147**	.053	.025	-.050	-.144**	1			
10	Intuitif	Pearson Correlation Sig. (2-tailed)	-.122*	.018	.049	.312**	.154**	-.152**	-.119*	.028	.403**	1		
11	Kebergantungan	Pearson Correlation Sig. (2-tailed)	.012	.057	.068	.088	.049	.031	.024	.217**	.154**	.275**	1	
12	Spontan	Pearson Correlation Sig. (2-tailed)	.085	-.021	-.078	.128*	-.009	-.096	-.038	-.335**	.349**	.366**	.016	1

\*\**Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).*

\**Correlation is significant at the 0.05 level (2-tailed).*

*N = 384*

Analisis seterusnya adalah bagi mengesahkan pembolehubah peramal kesejahteraan subjektif golongan B40. Analisis regresi telah digunakan bagi

menguji hipotesis sama ada terdapat pengaruh atribusi penyebab kemiskinan, persepsi terhadap keadilan dunia dan gaya pembuatan keputusan ke atas kesejahteraan subjektif. Merujuk kepada

Jadual 8, 9, 10 menunjukkan nilai varians dan beta bagi skor kesejahteraan subjektif yang dikaitkan dengan pembolehubah peramal (skor kepercayaan terhadap

keadilan dunia, atribusi penyebab kemiskinan dan gaya pembuatan keputusan) adalah sebanyak .250 atau 25% yang menunjukkan korelasi yang tinggi.

Jadual 8  
Analisis Ujian Regressi

Model Summary				
Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate
1	.500 <sup>a</sup>	.250	.242	5.50312

*a. Predictors: (Constant), Atribusi Penyebab Kemiskinan Fatalistik, Keadilan Dunia Personal*

Jadual 9  
Analisis Ujian Regressi

ANOVA <sup>a</sup>						
Model		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
1	Regression	3830.169	4	957.542	31.618	.000 <sup>b</sup>
	Residual	11477.766	379	30.284		
	Total	15307.935	383			

*a. Dependent Variable: Kesejahteraan Subjektif*  
*b. Predictors: (Constant), Atribusi Penyebab Kemiskinan Fatalistik, Keadilan Dunia Personal*

Jadual 10  
Analisis Ujian Regressi

Coefficients <sup>a</sup>						
		B	Std. Error	Beta	t	Sig.
1	(Constant)	17.137	2.538		6.753	.000
	Keadilan Dunia Personal	.613	.064	.424	9.514	.000
	Atribusi Penyebab Kemiskinan Persekitaran Mikro	-.031	.089	-.016	-.344	.731
	Atribusi penyebab Kemiskinan Fatalistik	-.276	.059	-.216	-4.659	.000
	Gaya Pembuatan Keputusan Intuitif	-.302	.090	-.153	-3.358	.001

*a. Dependent Variable: Kesejahteraan Subjektif*

Skor keadilan dunia personal (Beta= .424, p<.05), skor atribusi penyebab kemiskinan

fatalistik (Beta= -.216, p<.05) dan skor gaya pembuatan keputusan Intuitif (Beta= -

.302,  $p < .05$ ) adalah peramal kepada kesejahteraan subjektif dengan keseluruhan = .250. Namun begitu, melihat kepada nilai signifikan atribusi penyebab kemiskinan persekitaran mikro bukanlah peramal utama kepada kesejahteraan subjektif kerana nilai signifikan bagi dimensi atribusi ini adalah  $p > .05$ . Merujuk kepada sumbangan setiap pemboleh ubah peramal pula, nilai beta keadilan dunia personal memberikan sumbangan yang besar dengan sebanyak .424 (42%) berbanding dengan skor atribusi penyebab kemiskinan fatalistik dengan nilai Beta -.216 (22%) dan skor gaya pembuatan keputusan dengan nilai Beta -.153 (15%). Ini membawa maksud bahawa skor keadilan dunia personal secara signifikan mempengaruhi skor kesejahteraan subjektif berbanding atribusi kemiskinan. Berdasarkan kepada jadual diatas, persamaan regresi menunjukkan kesejahteraan subjektif golongan B40 boleh diramalkan berdasarkan kepada persamaan yang berikut:

$$\text{Kesejahteraan subjektif} = .613 (\text{Keadilan Dunia Personal}) + -.031 (\text{Persekitaran Mikro}) + -.276 (\text{Fatalistik}) + -.302 (\text{Intuitif}) + 17.137$$

Skor keadilan dunia personal (Beta= .424,  $p < .05$ ), skor atribusi penyebab kemiskinan fatalistik (Beta= -.216,  $p < .05$ ) dan skor gaya pembuatan keputusan Intuitif (Beta= -.302,  $p < .05$ ) adalah peramal kepada kesejahteraan subjektif=.250. Nilai *beta* keadilan dunia personal memberikan sumbangan yang besar iaitu .424 (42%) berbanding skor fatalistik dengan nilai *beta*=-.216 (22%) dan skor gaya pembuatan

keputusan dengan nilai *beta*= -.153 (15%). Ini bermakna wujud pengaruh persepsi terhadap keadilan dunia, atribusi dan gaya pembuatan keputusan ke atas kesejahteraan subjektif.

## Perbincangan

Objektif utama kajian ini ialah mengkaji corak atribusi kemiskinan golongan B40 di Malaysia dan bagaimana golongan B40 melihat faktor penyebab kemiskinan, serta adakah terdapat hubungan diantara atribusi kemiskinan, persepsi keadilan dunia dan kesejahteraan subjektif serta apakah faktor peramal kesejahteraan subjektif golongan B40 di Malaysia? Dapatan utama menunjukkan atribusi penyebab kemiskinan golongan B40 di Malaysia di dominasi oleh faktor persekitaran mikro dan diikuti oleh faktor faktor fatalistik, individualistik dan struktur. Dapatan ini selari dengan dapatan Azlina dan Ma'rof (2013) yang mendapati faktor dominan kepada kemiskinan adalah elemen gaji yang rendah dan tiada modal untuk berniaga.

Dalam dimensi fatalistik golongan B40 dilihat mengatribusikan faktor bilangan tanggungan yang terlalu ramai sebagai penyebab kepada kemiskinan manakala dalam dimensi individualistik pula adalah kurangnya kemahiran dalam mendapatkan pekerjaan. Dapatan ini selari dengan kajian Murnizam et al. (2012) yang mendapati sampel kajiannya mengutamakan atribusi fatalistik berbanding individualistik. Dapatan ini berkemungkinan ada kaitan dengan tahap pendapatan yang rendah yang tidak dapat diimbangi dengan jumlah isi rumah menyebabkan peningkatan ke atas tuntutan hidup yang harus dipenuhi dan secara tidak langsung akan membawa kepada kemiskinan (Itang, 2013).

Satu lagi keputusan menarik kajian ini ialah kesejahteraan subjektif berkorelasi negatif dengan atribusi persekitaran mikro, atribusi fatalistik dan gaya pembuatan keputusan intuitif iaitu bererti kebanyakan responden B40 mempersepsikan keadaan persekitaran mereka tidak kondusif dan kurang mendapat perhatian pihak pemerintah sekaligus kesejahteraan mereka rendah. Di samping itu sesetengah responden

mengalami keadaan perit seperti ahli keluarga yang sakit atau kemalangan atau mewarisi kemiskinan. Dapatan juga menunjukkan wujud korelasi positif signifikan dengan persepsi terhadap keadilan dunia yang menunjukkan bahawa semakin tinggi tahap kesejahteraan maka persepsi terhadap keadilan dunia adalah semakin positif. Dapatan ini selari dengan kajian terdahulu iaitu golongan miskin cenderung mengatribusikan kemiskinan kepada faktor struktural persekitaran mikro dan fatalistik dan ini adalah berdasarkan kepada masalah yang mereka hadapi (Daganzo dan Bernado, 2018; Yang dan Pang (2016). Oleh itu dapat dirumuskan bahawa golongan B40 ini mengatribusikan kemiskinan berdasarkan pengalaman mereka sendiri. Dapatan ini juga selari dengan dapatan Diaz, Blanco, Bajo & Stavradi (2015) yang mendapati fatalistik adalah indikator penting bagi kesejahteraan subjektif.

Selain itu, kajian ini juga mendapati persepsi terhadap keadilan dunia meramal kesejahteraan subjektif golongan B40, iaitu bererti mereka melihat keadilan terhadap diri mereka sendiri dan orang lain serta mengaitkannya dengan atribusi penyebab kemiskinan. Persepsi terhadap keadilan dunia memberikan sumbangan yang besar iaitu 42% varian dalam menghuraikan kesejahteraan subjektif berbanding dengan skor atribusi penyebab kemiskinan fatalistik sebanyak 22% dan gaya pembuatan keputusan 15%. Ini membawa maksud bahawa skor keadilan dunia personal secara signifikan lebih mempengaruhi skor kesejahteraan subjektif berbanding atribusi kemiskinan itu sendiri. Dapatan ini selari dengan dapatan sebelum ini iaitu tahap kepercayaan keadilan dunia adalah berbeza mengikut individu dan status atau tingkat sosioekonomi individu sedikit sebanyak memainkan peranan terhadap bagaimana mereka melihat keadilan terhadap diri mereka (Furnham, et al., (2009; Nasser, et al., (2011). Kajian membuktikan bahawa atribusi kemiskinan

bukanlah peramal utama kepada kesejahteraan subjektif sebaliknya dipengaruhi oleh persepsi terhadap keadilan dunia iaitu mereka merasakan mereka tidak mendapat apa yang sepatutnya mereka peroleh. Ini mungkin dikaitkan persepsi yang sekian lama mereka percaya iaitu kemiskinan golongan B40 adalah dikaitkan dengan kurangnya peluang dan bantuan yang diberikan oleh dipihak pemerintah dan himpitan hidup serta kepercayaan bahawa mereka dilayan secara tidak adil. Ini seterusnya mempengaruhi atribusi terhadap nasib yang mereka alami serta mencorakkan gaya pembuatan keputusan yang tidak efektif.

Dalam aspek gaya pembuatan keputusan golongan B40 menunjukkan golongan berpendapatan rendah B40 tidak hanya mengamalkan gaya pembuatan keputusan rasional, tetapi juga turut mengamalkan gaya pembuatan keputusan kebergantungan. Ini selari dengan pandangan dan dapatan Coscarelli (1983); Scott dan Bruce (1995) iaitu individu tidak bergantung sepenuhnya kepada satu gaya sahaja tetapi turut mengenakan gaya pembuatan keputusan yang lain mengikut kepada situasi yang mereka hadapi. Ini juga disokong oleh Omoloba (2016) iaitu keputusan yang diambil individu kadang kala dipengaruhi oleh persekitaran, kewangan, keluarga, rakan dan pengalaman hidup. Apabila membuat keputusan berkaitan kos (wang), adalah penting untuk mengira kos tersebut sebelum memilih alternatif yang ada kerana pada kebanyakan waktu, wang yang ada akan menentukan alternatif mana yang akan menjadi pilihan (Omoloba, 2016).

### **Kesimpulan**

Walaupun kajian lepas menemui bahawa atribusi kemiskinan berkaitan dengan kesejahteraan individu namun kajian ini telah membuktikan bahawa atribusi kemiskinan bukanlah peramal utama kepada kesejahteraan subjektif sebaliknya

dipengaruhi oleh persepsi individu terhadap keadilan dunia iaitu tidak memperoleh apa yang sepatutnya mereka peroleh. Analisis deskriptif menunjukkan golongan responden mengatribut faktor persekitaran mikro penyebab kepada kemiskinan berdasarkan kesukaran dalam memenuhi keperluan hidup harian. Atribusi penyebab kemiskinan golongan B40 juga berfokus kepada faktor individulistik dan fatalistik tetapi tidak kepada atribusi struktur. Faktor tahap kesejahteraan ekonomi individu mempengaruhi kesejahteraan subjektif atau kepuasan hidup dan atribusi penyebab kemiskinan. Ini mungkin dikaitkan persepsi yang sekian lama mereka percaya iaitu kemiskinan golongan B40 adalah dikaitkan dengan kurangnya peluang dan bantuan yang diberikan oleh dipihak pemerintah dan rangkaian kemiskinan yang dialami sehingga membentuk kepercayaan bahawa dunia adalah tidak adil. Ini seterusnya mempengaruhi atribusi terhadap nasib yang mereka alami serta mencorakkan gaya pembuatan keputusan yang tidak efektif. Ringkasnya golongan B40 kurang berpuas hati dan mempunyai tahap kesejahteraan subjektif yang rendah dan menyalahkan faktor situasi atas nasib yang tidak dipedulikan dan tidak dilayan sebagaimana sepatutnya.

### Penghargaan

Penulis merakamkan penghargaan kepada **Geran Cabaran Perdana DCP-2017-014/2 Universiti Kebangsaan Malaysia** dalam membiayai penyelidikan ini juga kepada semua responden yang terlibat dalam kajian ini.

### Rujukan

Abouchedid, K., & Nasser, R. (2001). Poverty attitudes and their determinants in Lebanon's plural society. *Journal of Economic Psychology*, 22(2), 271-282.

Agrawal, J., Murthy, P., Philip, M., Mehrotra, S., Thennarasu, K., John, J. P., Isaac, M. (2010). Socio-demographic Correlates of Subjective Well-being in Urban India. *Social Indicators Research*, 101(3), 419-434. doi:10.1007/s11205-010-9669-5

Aronson, Elliot; Wilson, Timothy D.; Akert, Robin M. (2010). *Social Psychology Seventh Edition*. Upper Saddle River, NJ: Pearson Education, Inc. pp. 83-115. ISBN 0-13-814478-8.

Azlina Mohd Khir & Ma'rof Redzuan. (2013). Atribusi Kemiskinan dalam Kalangan Pelajar Orang Asli di Malaysia. Kertas kerja yang dibentangkan di International Conference on Social Science Research (ICSSR) 2013, 4-5 Jun 2013, Penang Malaysia anjuran World Conference.net.

Carvalho, Leandro S., Stephan Meier, and Stephanie W. Wang. (2016). "Poverty and Economic Decision-Making: Evidence from Changes in Financial Resources at Payday." *American Economic Review*, 106 (2): 260-84. DOI: 10.1257/aer.20140481.

Coscarelli, W. C. (1983). Decision making styles and the group process. Orchestrating spontaneous and systematic styles. *Performance & Instruction Journal*, 22(7), 22-25. doi:10.1002/pfi.4150220708

Cozzarelli, C., Tagler, M. J., & Wilkinson, A. V. (2002). Sex Roles, 47(11/12), 519-529. doi:10.1023/a:1022038200071

Cozzarelli, C., Wilkinson, A. V., & Tagler, M. J. (2001). Attitudes toward the poor and attributions for poverty.

- Journal of Social Issues*, 57(2), 207–227. doi:10.1111/j.2044-8309.1982.tb00553.x
- Dalbert, C. (1999). Social Justice Research, 12(2),79–98.doi:10.1023/a:1022091609047
- Daganzo, M. A. A., & Bernardo, A. B. I. (2018). Socioeconomic status and problem attributions: The mediating role of sense of control. . *Cogent Psychology*, 5(1), 1525149.
- Diaz, D., Blanco, A., Bajo, M., & Stavradi, M. (2015). Fatalism and well-being across Hispanic cultures: The Social Fatalism Scales (SFS). *Social Indicators Research*, 124, 929-945.
- Diener, E. (2009). Subjective Well-Being. *The Science of Well-Being*, 11–58. doi:10.1007/978-90-481-2350-6\_2
- Dzuka, J., & Dalbert, C. (2006). The belief in a just world and subjective well-being in old age. *Aging & Mental Health*, 10(5), 439–444. doi:10.1080/13607860600637778
- Easterlin, R. A. (2003). Explaining happiness. *Proceedings of the National Academy of Sciences*, 100, 11176-11183.
- Fatima, I., & Suhail, K. (2010). Belief in a just world and subjective well-being: Mothers of normal and Down syndrome children. *International Journal of Psychology*, 45(6), 461–468.
- Feagin, J.R. (1972). Poverty: We Still believe that God helps those who themselves. *Psychology Today* 6: 101-129.
- Furnham, A. (1982). Why are the poor always with us? Explanations for poverty in Britain. *British Journal of Social Psychology*, 21(4), 311–322.
- Furnham, A., Swami, V., Voracek, M., & Stieger, S. (2009). *Demographic Correlates of Just World and Unjust Beliefs in an Austrian Sample*. *Psychological Reports*, 105(3), 989–994. doi:10.2466/pr0.105.3.989-994
- Itang. (2013). Causes of poverty and ways to overcome it, *Islamiconomic: Jurnal Ekonomi Islam*, 4(1), 1-25.
- Ige, K.D. & Nekhwvha, F.H. 2014. Causal Attributions for Poverty among Low Income Communities of Badia, Nigeria. *Journal of Social Sciences*, 38(2), 205-218.
- Itang. (2013). Causes of poverty and ways to overcome it (Penyebab Kemiskinan dan Cara Menanggulangnya). *Islamiconomic: Jurnal Ekonomi Islam*, 4(1), 1-25.
- Hafer, C. I., & Correy, B.L. (1999). Mediators of the Relation Between Beliefs in a Just World and Emotional Responses to Negative Outcomes. *Social Justice Research*, 12 (3), 189-204.
- Hellman, C. M., Muilenburg-Trevino, E. M., & Worley, J. A. (2008). The Belief in a Just World: An Examination of Reliability Estimates Across Three Measures. *Journal of Personality Assessment*, 90(4),399–401.doi:10.1080/00223890802108238.
- Jabatan Penerangan Negara. (2013). Arkib Berita: Jurang Kemiskinan Rakyat Malaysia Semakin Mengecil. <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/isu-nasional/>. [21 Oktober 2018]
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2016. *Penyiasatan Pendapatan &*

- Kemudahan Asas dan Perbelanjaan Isi Rumah (HIS/HES) 2016
- Jost, J. T., Banaji, M. R., & Nosek, B. A. (2004). A decade of system justification theory: Accumulated evidence of conscious and unconscious bolstering of the status quo. *Political Psychology*, 25, 881-919.
- Kluegel, J. R., & Smith, E. R. (1986). *Beliefs about inequality: Americans' views of what is and what ought to be*. New York: Routledge.
- Ljubotina, O.D., & Ljubotina, D. (2007). Attributions of Poverty among Social Work and Non-social Work Students in Croatia. *Croat Med Journal*.
- Lipkus, I. M., & Siegler, I. C. (1993). The Belief in a Just World and Perceptions of Discrimination. *The Journal of Psychology*, 127(4), 465-474.  
doi:10.1080/00223980.1993.9915583
- Lipkus, I. M., Dalbert, C., & Siegler, I. C. (1996). The Importance of Distinguishing the Belief in a Just World for Self Versus for Others: Implications for Psychological Well-Being. *Personality and Social Psychology Bulletin*, 22(7), 666-677.  
doi:10.1177/0146167296227002
- Lucas, R. E. (2007). *Adaptation and the Set-Point Model of Subjective Well-Being*. *Current Directions in Psychological Science*, 16(2), 75-79.  
doi:10.1111/j.1467-8721.2007.00479.x
- Mani, A., Mullainathan, S., Shafir, E., & Zhao, J. (2013). Poverty Impedes Cognitive Function. *Science*, 341(6149), 976-980.  
doi:10.1126/science.1238041.
- Murnizam, H, Mohd Dahlan A. Malek, Ferlis Bahari, Norlizah Matshah & Webley, P. (2012). Attribution of poverty among Malaysian students in the United Kingdom. *Southeast Asia Psychology Journal* 1: 22-30.
- Nasser, R., Doumit, J., & Carifio, J. (2011). Well-being and belief in a just world among rest home residents. *Social Behavior and Personality: An International Journal*, 39(5), 655-670. doi:10.2224/sbp.2011.39.5.655
- Nettle, D. (2005). Socio-economic status and subjective well-being. [http://worlddatabaseofhappiness.eur.nl/hap\\_bib/freetexts/nettle\\_d\\_2005.pdf](http://worlddatabaseofhappiness.eur.nl/hap_bib/freetexts/nettle_d_2005.pdf).
- Omoloba, O. (2016). *Decision-making: Personal (individual) styles and Their consequences*. <https://cyberleninka.ru/article/n/decision-making-personal-individual-styles-and-their-consequences>. [10 Jun 2019].
- Robinson, J. W. (2009). American poverty cause beliefs and structured inequality legitimation. *Sociological Spectrum*, 29(4), 489-518.
- Rozmi Ismail. (2011) Psikologi Sosial. Penerbit UKM, Bangi.
- Salo, & C. M. Allwood, "Decision-making styles, stress and gender among investigators", *An International Journal of Police Strategies & Management*, 34:1 (2011): 97-11
- Shek, D. (2003). Chinese people's explanations of poverty: The Perceived Causes of Poverty Scale. *Research on Social Work Practice*, 13(5), 622-640.

- Scott, S. G., & Bruce, R. A. (1995). *Decision-Making Style: The Development and Assessment of a New Measure*. *Educational and Psychological Measurement*, 55(5), 818–831.  
doi:10.1177/0013164495055005017
- Stroebe, K., Postmes, T., Täuber, S., Stegeman, A., & John, M.-S. (2015). *Belief in a Just What? Demystifying Just World Beliefs by Distinguishing Sources of Justice*. *PLOS ONE*, 10(3), e0120145.  
doi:10.1371/journal.pone.0120145
- Townsend, P. (1979). *Poverty in United Kingdom: A Survey of Household Resources and Standards of Living*. London: Penguin.
- Unit Perancang Ekonomi (EPU). (2016). *Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya*.
- Wilson, W.J. (1987). *The truly disadvantaged: the inner city, the underclass and public policy*. Chicago IL: University of Chicago Press.
- Wenzel, K., Schindler, S., & Reinhard, M.-A. (2017). General Belief in a Just World Is Positively Associated with Dishonest Behavior. *Frontiers in Psychology*, 8.  
doi:10.3389/fpsyg.2017.01770.
- Yang, F., & Pang, J. S. (2016). Socioeconomic status, frailty, and subjective well-being: A moderated mediation analysis in elderly Chinese. *Journal of Health Psychology*, 23(7), 961–970.  
doi:10.1177/1359105316675211
- Yu, X., Ren, G., Huang, S., & Wang, Y. (2018). Undergraduates' Belief in a Just World and Subjective Well-Being: The Mediating Role of Sense of Control. *Social Behavior and Personality: An International Journal*, 46(5), 831–840.  
doi:10.2224/sbp.6912
- Zuckerman, M. (1979). Attribution of success and failure revisited, or: The motivational bias is alive and well in attribution theory. *Journal of Personality*, 47(2), 245–287.